

Uchapan: ADITO  
452  
71/80

Uchapan Y.B. Menteri Pelajaran  
Enche Hussein Onn di-Hari Uchapan  
dan Penyampaian Hadiah Sekolah  
Menengah Perempuan Methodist, Kuala  
Lumpur, pada 17.8.71 pukul 4.00 petang.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kaseh kepada Ahli2 Lembaga Pengurus, Guru Besar, Guru2 dan penuntut2 sekalian kerana telah menjemput saya hadir dalam upacara Hari Uchapan dan Penyampaian Hadiah sekolah ini pada petang ini.

Saya tidak lupa mengucapkan tahniah kepada murid2 yang berjaya di-dalam Peperiksaan MCE tahun lalu dan juga kepada mereka yang berjaya memenangi hadiah2 yang di-sampaikan pada petang ini.

Bahasa Malaysia telah pun di-jadikan Bahasa Pengantar di-sekolah2 kebangsaan dan jenis kebangsaan semenjak tahun lalu, dan peranan bahasa itu sebagai bahasa pengantar di-sekolah2 tidak di-persoalkan lagi. Tetapi apa yang patut kita soalkan sekarang, ialah peri mustahaknya bahasa ini, dan juga menchari jalan untok memajukan bahasa itu, supaya menjadi suatu bahasa yang tidak kurang penting-nya dengan bahasa2 lain di-dunia ini. Saya difahamkan, pada tahun lalu, sa-orang murid dari sekolah ini telah mendapat kelulusan Distinction atau pun 'A' dalam

Bahasa Malaysia, dan ini menunjukkan ada-nya kemahuan bagi pehak murid itu, untuk menguasai Bahasa Malaysia. Apa pula hal-nya dengan yang lain? Tentu mereka pun mahu menchapai kejayaan.

*ialah*

Bahasa Malaysia <sup>ialah</sup> satu bahasa yang penting di- dalam mengujudkan perpaduan dan muhibbah bagi negara kita, yang terdiri dari raayat berbilang <sup>keturunan,</sup> ugama dan kebudayaan, dan Bahasa Malaysia menjadi tiang seri terhadap dasar pelajaran kita, untuk menchapai chita2 negara kita. Sunggoh pun Bahasa Malaysia di-jadikan bahasa pengantar yang utama, tetapi ini tidak bermakna bahawa kita akan mengeneipikan pelajaran serta pengajaran bahasa2 asing, sebaliknya Bahasa Inggeris di-jadikan bahasa yang kedua, yang wajib di- pelajari oleh murid2 kita tanpa mengira asal keturunan mereka. Selain daripada itu Bahasa2 China dan Tamil terus di-ajar dan di-pelajari oleh anak2 keturunan China dan Tamil. Maka nyatalah pada kita bahawa, tidak ada niat pada mana2 pehak untuk mengeneipikan pengajaran bahasa2 asing lebeh2 lagi Bahasa China dan Tamil.

---

Dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua, Kementerian Pelajaran telah meminta satu jumlah perbelanjaan yang agak besar, kalau di-bandingkan dengan tahun2 yang lalu, kerana memandangkan bahawa kita akan melaksanakan beberapa projek pelajaran, untuk memberi segala kemudahan yang boleh dan sesuai kepada anak2 kita, bagi mendapatkan pelajaran

sebaik2-nya bagi diri mereka. Di-dalam ranchangan ini, Kementerian Pelajaran akan membelanjakan, dari sekarang hingga tahun 1975, sebanyak \$370.11 juta untok membena beberapa buah sekolah2 rendah, menengah, teknik dan vokeshenal, Sekolah Teknik lanjutan, Universiti, dan juga mengadakan latehan2 guru serta pelajaran2 lain, termasuklah pelajaran melalui Taliveshen. Dan dalam jangka waktu yang sama, kita akan membelanjakan lebeh kurang 36 juta ringgit di-Sabah, untok membena beberapa buah Sekolah2 Rendah, Menengah, Teknik dan juga mengadakan latehan guru2. Kita juga tidak ketinggalan mengadakan peruntokan yang banyak juga untok Sarawak ia-itu 42.37 juta ringgit untok, membena sekolah2 rendah, menengah, Teknik dan Perdagangan, mengadakan latehan guru2, juga usaha2 memajukan siaran ka-sekolah2 dan juga pinjaman kepada pengurusan sekolah2. Maka nyatalah pada kita, di-dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini, Kerajaan akan berusaha untok memajukan pelajaran anak2 kita, bukan sahaja bagi Malaysia Barat malahan bagi Sabah dan Sarawak, dan terpulang-lah kepada raayat jelata dan anak2 kita, menggunakan peluang yang baik ini bagi melengkapkan diri masing2 dengan ilmu pengetahuan dan pelajaran.

---

Di-dalam menchapai pelajaran yang sebaik2-nya, saya sukalah mengingatkan penuntut2 kita, jangan lupa terhadap Rukunegara. Mereka seharusnya, mengetahui sebenar2-nya apa dia prinsip2 Rukunegara, dan prinsip2 ini

ialah jaminan untok perpaduan dan kemajuan negara kita pada masa2 yang akan datang. Semua prinsip2 ini, menjadi asas untok kemajuan, kesejahteraan serta kemaamoran Malaysia pada masa yang akan datang. Dalam perkara Rukunegara ini, sukalah saya mengingatkan bahawa, ia-nya tidak sahaja terletak di-bahu murid2, malahan menjadi tanggung-jawab guru2 juga, untok menyampai dan menunjukkan chontoh2 akan Rukunegara di-mana ia-nya boleh di-gunakan sebaik2-nya demi kebaikan kita semua.

Sebagai umat manusia, saya perchaya tiap2 sa-orang itu, tidak kira apa ugama-nya, perchaya kapada adanya Tuhan, dan apabila sa-orang itu perchaya kapada Tuhan, maka ia akan membuat sesuatu yang baik, ia-itu tidak mahu menyakitkan hati orang lain, tidak mahu menyusahkan orang lain, dan juga tidak mahu menindas orang lain. Kalau keperchayaan ini dapat di-amalkan setiap waktu, maka kita semua akan hidup dalam aman tenteram, dan dapat membuat kemajuan yang lebeh untok Malaysia. Dan ini memang sejajarlah dengan Rukunegara, yang mengatakan perchaya kapada Tuhan, merupakan satu kesopanan dan kesosilaan yang baik kapada diri sendiri, dan juga kapada masharakat. Masa depan, Malaysia terletak di-tangan jenerasi muda hari ini. Suka saya menyatakan di-sini bahawa, orang2 dewasa hari ini berusaha <sup>dan</sup> bersusah payah, untok membena sabuah Malaysia yang


akan dapat di-diami oleh jenerasi muda, dalam aman tenteram dan lebeh maamor. Sementara gulongan dewasa ini menyediakan, dan mengada serta mengujudkan suasana yang baik ini bagi Malaysia, tetapi sukalah saya mengingatkan bahawa, jenerasi muda mestilah jangan kechewa dalam apa juga yang mereka buat, untuk melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan pelajaran. Mereka juga mestilah sedia berkhidmat, untuk negara dan masharakat-nya, pengorbanan mesti di-buat, dan sedialah berkhidmat untuk negara dan untuk mempertahankan kedaulatan negara kita yang merdeka lagi berdaulat ini.

Saya juga berharap kepada murid2 kita, terutamanya murid2 perempuan, janganlah mengutamakan sangat kepada pelajaran hal ehwal rumah tangga sahaja, oleh kerana kita mahu kaum wanita kita pada masa akan datang, bukan sahaja boleh mendidek, mengasoh dan memasak, malahan boleh mengambil bahagian yang aktif dan setanding dengan kaum lelaki dalam bidang2 Sains dan Teknologi. Ini tidak mudah di-chapai, sekiranya dari sekarang, murid2 perempuan kita tidak menitek beratkan pelajaran Sains dan Teknologi. Memang benar, kita berkehendakkan sa-orang kaum ibu itu pandai mendidek, mengasoh dan memasak, tetapi itu tidak chukup di-dalam sabuah negara yang sedang membangun, yang berkehendakkan jenerasi yang boleh membangunkan negara ka-arah yang lebeh baik daripada masa ini.

Saya perchaya, untok mengadakan upachara yang meriah petang ini, guru2 juga telah mengambil bahagian yang aktif, dan kapada mereka dan lain2 pihak yang berkenaan, saya ucapkan terima kaseh dan di-harap upachara2 yang akan datang akan lebeh meriah, dan lebeh ramai lagi penuntut2 sekalian akan memenangi hadiah2 yang sedia ada di-tawarkan oleh pihak2 yang berkenaan.

---

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kapada penuntut2 yang berjaya, dan kapada yang kurang bernasib baik, belajarliah bersungguh2 supaya memenangi hadiah2 ini pula pada tahun2 yang akan datang.



Saya percaya, untuk mendapatkan upacara yang meriah petang ini, guru juga telah mengambil bahagian yang aktif dan kepada mereka dan lain-lain pebek yang berkenaan, saya ucapkan terima kasih dan di-harap upacara yang akan datang akan lebih meriah, dan lebih ramai lagi penuntut sekalian akan memenangi hadiah yang sedia ada di-tawarkan oleh pebek yang berkenaan.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada penuntut yang berjaya, dan kepada yang kurang bernasib baik, belajarliah berjuangan supaya memenangi hadiah ini pada pada tahun yang akan datang.



No Siri ..... 51  
 No Penerimaan ..... 51/80

- Points.
- Puan Alangulau
- 1) Bahasa Malaysia: Teachers
- 
- 1) Puan Pengiran,  
 Loukye Pengiran,  
 Puan Dami Sultan
- 2) Mili's Loukye Pengiran
- 3) Kelina Akhalah mi
- 4) Puan & Puan S.